

17/03/2003

Pemandu F1 Petronas bajak sawah

PEMANDU Formula Satu Sauber-Petronas, Nick Heidfeld (kiri) Heinz Harald Frentzen sempat meluangkan masa memandu traktor di sawah padi serta bermain layang-layang ketika melawat Kampung Sungai Layar Hujung, Sungai Petani, semalam.

Kedua-dua pemandu itu serta pengurus pasukan, Peter Sauber turut melawat kilang baja milik Petronas sebagai sebahagian daripada lawatan tiga hari mereka ke Kedah.

Hari ini, mereka akan melawat beberapa tempat termasuk rumah tempat kelahiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan muzium negeri.